

# 194 serbuan narkotik di pusat hiburan seluruh negara

**KUALA LUMPUR** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaksanakan 194 serbuan ke atas pusat hiburan di seluruh negara dengan rampasan pelbagai jenis dadah.

Setiausaha PDRM, Datuk Noorsiah Mohd Saaduddin berkata, statistik sehingga Jun ini merekodkan 449 kes dengan tangkapan 504 orang serta rampasan 9.2 kilogram (kg) dadah dan 450 liter cecair dadah.

Menurut beliau, daripada jumlah itu, 55 serbuan telah dilaksanakan di ibu negara melibatkan rampasan pelbagai jenis dadah seberat 5.1kg, 450 liter cecair dadah dan 160 tangkapan.

"Tindakan telah diambil di bawah pelbagai seksyen kesalahan yang termaktub di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Beliau mengulas kenyataan daripada Pertubuhan Keprihatinan Jenayah Komuniti Malaysia (MCCC), baru-baru ini yang menyenaraikan 15 buah pusat hiburan didakwa menjadi pusat pengedaran dadah sintetik di ibu negara.

Noorsiah memberitahu, bagi mencegah kegiatan maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) telah melaksanakan Ops Noda di lokasi sasaran seperti rumah urut, hotel dan pusat hiburan.

Katanya, sebanyak 995 serbuan telah dijalankan sepanjang tempoh empat bulan pertama tahun ini di seluruh negara dan seramai 2,948 orang yang terlibat dalam kegiatan pelacuran ditahan.

"Di Kuala Lumpur sahaja, 420 serbuan dilaksanakan melibatkan 1,115 tangkapan," tambahnya.

Beliau berkata, dalam usaha membanteras aktiviti haram, PDRM sentiasa menjalankan risikan dan pemantauan ke atas laman sosial atau aplikasi yang mengiklankan kegiatan persundalan.

"Orang ramai dialu-alukan untuk menyalurkan maklumat di *Hotline* Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik di talian **012-208 7222** manakala bagi maklumat berkenaan aktiviti maksiat boleh disalurkan ke [jsjd7\\_maksiat@rmp.gov.my](mailto:jsjd7_maksiat@rmp.gov.my)," ujar beliau.